

## **CONTOH PERATURAN TABUNG WAKAF**

### **1. PENGENALAN**

Tabung ini akan dikenali sebagai Tabung Wakaf ..... bagi tujuan Kebajikan/ Pendidikan/ Keagamaan/ Lain-Lain Manfaat).

Tabung ini akan diurus tadbir oleh AJK Tabung Wakaf.

### **2. OBJEKTIF**

Tujuan Tabung Wakaf ini ditubuhkan ialah:-

- (a) Untuk memungut dan menguruskan penerimaan wakaf dalam bentuk wang tunai daripada pewakaf, yang dikumpulkan di dalam satu akaun atau tabung amanah;
- (b) Untuk menyalurkan dan mengagihkan dana wakaf berteraskan kepada objektif yang layak di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Tabung Wakaf.

### **3. PENGURUSAN**

- 3.1 Segala bentuk pengurusan dan pengawalan Tabung Wakaf ..... ini akan diamanahkan kepada sebuah Jawatankuasa Tabung ..... yang terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan ..... orang ahli Jawatankuasa.
- 3.2 Pengerusi Jawatankuasa Tabung Wakaf ..... akan mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Tabung ..... Dalam masa ketiadaan beliau tempatnya akan digantikan oleh Naib Pengerusi. Pengerusi ataupun Naib Pengerusi Jawatankuasa Tabung yang dilantik adalah berhak untuk mengundi, dan sekiranya terdapat jumlah undi yang sama adalah berhak untuk mengundi kali kedua ataupun undian pemutus.
- 3.3 Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi dalam segala pengendalian yang diamanahkan kepada Jawatankuasa. Dalam masa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi akan mengambil tempatnya.

- 3.4 Setiausaha akan bertanggungjawab memanggil mesyuarat Jawatankuasa, menyediakan agenda, mencatat serta menyimpan minit-minit mesyuarat dan juga surat-menyerat.
- 3.5 Penolong Setiausaha hendaklah memangku jawatan Setiausaha sekiranya Setiausaha tiada dan menjalankan tugas Setiausaha sepenuhnya.
- 3.6 Bendahari adalah bertanggungjawab di atas segala perkara yang berkaitan dengan kewangan Tabung ..... tersebut dan beliau adalah dikehendaki menyimpan kira-kira di dalam buku-buku yang sempurna. Beliau juga adalah bertanggungjawab bagi menyediakan laporan kewangan tahunan untuk diaudit serta membentangkan kewangan tersebut di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

#### **4. JAWATANKUASA**

- 4.1 Ahli Jawatankuasa Tabung ..... yang dilantik mestilah mematuhi syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu melebihi 50% ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai **perkaitan** dengan institusi atau organisasi wakaf.
- 4.2 Khidmat atau manfaat tidak boleh dinikmati oleh ahli jawatankuasa atau mutawalli, ahli keluarga dan mana-mana pihak yang berkepentingan dalam mengendalikan Tabung Wakaf.
- 4.3 Jawatankuasa akan bermesyuarat pada bila-bila masa dan bila diarahkan oleh Pengerusi ataupun oleh Setiausaha dan sekurang-kurangnya lima orang ahli Jawatankuasa adalah diperlukan untuk membentuk korum.
- 4.4 Jawatankuasa Tabung Wakaf akan memegang tugas sebaik sahaja dilantik sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya kecuali ada mana-mana Ahli Jawatankuasa yang ingin meletak jawatan dalam masa-masa tersebut beliau hendak mengemukakan notis bertulis kepada Setiausaha akan keinginannya itu.
- 4.5 Jawatankuasa Tabung Wakaf berhak memilih mana-mana ahli untuk mengisi mana-mana kekosongan yang berlaku disebabkan kematian ataupun peletakan jawatan.

**5. PENGURUSAN KEWANGAN TABUNG WAKAF OLEH INSTITUSI YANG DIDAFTARKAN OLEH MAIN /UNIVERSITI AWAM**

- 5.1 Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti Awam ..... bersetuju bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah bagi Wakaf Insititusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti.
- 5.2 Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti Awam ..... hendaklah menguruskan perjalanan kewangan berhubung Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti.
- 5.3 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bersetuju bahawa segala kutipan diakaunkan ke dalam Akaun Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti.
- 5.4 Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti Awam ..... hendaklah memastikan Perolehan dan Pendapatan suatu mawquf hendaklah diakaunkan secara berasingan daripada lain-lain kumpulan Wang Institusi oleh MAIN / Universiti.
- 5.5 Institusi yang didaftarkan oleh MAIN / Universiti Awam ..... bersetuju bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dibenarkan untuk mengakses, memeriksa dan mengaudit penyata kewangan Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti Awam tertakluk kepada notis bertulis dalam tempoh sekurang-kurangnya empat belas (14) hari dari tarikh notis tersebut; dan
- 5.6 Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti Awam ..... hendaklah memastikan pelaksanaan urusan kewangan dan perakaunan adalah selaras dengan Hukum Syarak, undang-undang, polisi dan dasar dan Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa.

**6. PENGAGIHAN DAN PENGGUNAAN KEWANGAN TABUNG WAKAF INSTITUSI oleh MAIN / UNIVERSITI AWAM**

INSTITUSI oleh MAIN/ UNIVERSITI AWAM ..... bersetuju bahawa:

- 6.1 Penerima manfaat hasil Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti tersebut hendaklah diberikan kepada Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti bagi tujuan pendidikan, perubatan , pembangunan atau lain-lain yang berkaitan.
- 6.2 Kutipan Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti hanya boleh dimanfaatkan oleh Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti

sahaja mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/ Universiti dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dari semasa ke semasa bagi tujuan Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti.

6.3 Sebarang cadangan pemerolehan harta dan pelaburan Kutipan Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti tersebut hendaklah mendapat kebenaran dan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Bersama Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

6.4 Pengurusan Mawquf Berbentuk Tunai perlu dibuat sebagaimana berikut:

- a) Bagi Wakaf am, wang tunai tersebut boleh ditukar kepada aset kekal di mana aset ini pula hendaklah dikenalpasti sama ada boleh menjana pendapatan atau sebaliknya.
- b) Manakala bagi Wakaf Khas, 100% daripada wang tunai tersebut juga boleh ditukar kepada aset kekal di mana aset ini pula hendaklah dikenalpasti sama ada boleh menjana pendapatan atau sebaliknya
- c) Jika aset kekal tersebut boleh menjana pendapatan, hasilnya akan diagihkan berdasarkan peratusan yang telah ditentukan sebagaimana berikut :

Contoh :

- i. 60% untuk benefisiari / tujuan wakaf
- ii. 20% untuk pelaburan semula
- iii. 15% untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Wakaf Institusi oleh MAIN/ Universiti
- iv. 5% untuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

d) Jika aset kekal tersebut di bawah kategori tidak menjana pendapatan pula, maka ianya (100%) akan terus dimanfaatkan oleh benefisiari Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti tersebut.

e) Manakala 30% daripada wang tunai tersebut akan dilaburkan ke dalam pelaburan patuh syariah dan hasilnya akan diagihkan berdasarkan peratusan yang berikut :

Contoh :

- i. 60% untuk benefisiari / tujuan wakaf
- ii. 20% untuk pelaburan semula

- iii. 15% untuk perbelanjaan pentadbiran Wakaf Institusi yang didaftarkan oleh MAIN/Universiti
- iv. 5% untuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

## **7. PEMAKLUMAN AWAL**

Jawatankuasa Tabung Wakaf ..... perlu membuat pemakluman awal secara bertulis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) bagi perkara-perkara berikut:

- 7.1 sebelum pemilikan aset atau harta meliputi tanah, bangunan, kenderaan, peralatan dan lain-lain;
- 7.2 sebelum pelupusan aset atau harta;
- 7.3 sebelum sebarang pertukaran ahli jawatankuasa Tabung Wakaf;
- 7.4 sebelum tempoh penamatkan lantikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (sekiranya institusi atau organisasi tidak lagi diberikan kuasa untuk menguruskan wakaf oleh MAIN); dan
- 7.5 sebelum pindaan dibuat ke atas Surat Ikatan Wakaf.

## **8. LARANGAN**

Tabung Wakaf ..... adalah dilarang daripada melakukan perkara-perkara berikut:

- 8.1 menggunakan pakai logo rasmi LHDNM atau mengubah suai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- 8.2 melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangan, kakitangan dan premis/harta Tabung digunakan untuk tujuan tersebut; dan
- 8.3 membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif Tabung Wakaf.

## **9. PEMBUBARAN**

Sekiranya Tabung Wakaf dibubarkan:

- 9.1 Kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, sekiranya ada, hendaklah dikembalikan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN);
- 9.2 Perlu memaklumkan pembubaran kepada KPHDN dengan segera selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran; dan
- 9.3 Akaun bank Tabung Wakaf hendaklah ditutup dengan segera. Sesalinan surat penutupan akaun bank perlu dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM sebagai bukti.

Diluluskan dalam mesyuarat pada tarikh .....

Tandatangan:

Tandatangan:

.....  
Nama :  
Jawatan : **SETIAUSAHA**

.....  
Nama :  
Jawatan : **PENGERUSI**

**Nota: Contoh Peraturan Tabung Wakaf hanyalah panduan semata-mata. Setiap tabung wakaf yang diwujudkan akan disemak dengan terperinci Peraturan Tabung yang berkaitan.**